

Search Newspapers
Browse Newspapers

Search

[Advanced Search ▾](#)

[Home](#) > [Berita Harian](#) > [28 March 1965](#) > [Page 10](#) > [Bintang Talivishen, Salim Bachik chedera dalam masa berlakon](#)

Bintang Talivishen, Salim Bachik chedera dalam masa berlakon

Berita Harian, 28 March 1965, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL4322

Add to Citation



Previous Article

Next Article



Previous Page

Next Page



Bintang Talivishen, Salim Bachik chedera dalam masa berlakon

SINGAPURA, Sabtu.— Bintang drama dan talivishen yang terkenal di-sini, Inche Salim Bachik, malam tadi telah di-kejarkan ka-rumah sakit umum kerana kemalangan ketika menjalankan penggambaran untuk drama di-TV.

Bersama pelakon2 lain, Hamidah Zainal dan Saodah Hasan, Salim telah ditugaskan untuk berlakon dalam drama serious berjodol "Malam" karya dan terbitan Inche Zain Mahmud di-studio TV di-sini.

Dalam lakunan itu, Inche Salim telah di-serahkan peranan orang buta. Dengan keadaan 'buta mata' beliau telah di-suroh melanggar meja yang terletak di atasnya pinggan mangkok dan gelas.

Sa-telah melanggar-nya dia telah di-suroh juga jatuh di-samping pinggan mangkok dan gelas yang bertaboran di atas lantai akibat terlanggar tadi.

Dengan tiba2 percha-

Information ▾



Newspaper:

Berita Harian

Date:

28 March 1965

Reel Number:

NL4322

Share

Table of Contents ▾

< Previous | [Page 10](#) | Next >

Menteri: Jangan buang masa

Menteri: Jangan buang masa MELAYU DI-NASIHATKAN SUPAYA JANGAN BERGANTONG KAPADA NASIB

Kerana terlalu gemok. Joe Said, yang: berat 400 paun telah di-beritahu bahawa ia tidak boleh menaiki kapal terbang Thai International Airways ka-Bangkok pagi semalam. Joe telah di-beritahu bahawa ia memerlukan dua tempat duduk kerana terlalu besar badannya, dan ini telah

[View Full Table of Contents >](#)

han2 kacha dan gelas di atas lantai studio itu telah di-duduki oleh Salim—satu lakonan yang di-luar dari arahan.

Di-tambah dengan berat badan-nya, pechahan kacha tadi telah menchuchok ponggong-nya lebih kurang dua inche dalam-nya. Darah kemudian menchurah keluar saperti paip.

Kerana lakonan Salim bertambah ‘realistik’ akibat kemalangan itu, di-tambah pula tidak ada sa-suatu tanda kesakitan yang ditunjukkan-nya, penggambaran tadi di-lanjutkan juga hingga akhir.

Bagaimana pun, Inche Zain Mahmud dan pengarah-nya, Inche Bani Buang kelihatan bagitu puchat dan chemas melihat kemalangan itu berlaku.

“Kami pada mula-nya chemas melihat kemalangan itu dan kami khuatir hendak memberhentikan-nya.

Lakonan realistik

“Tetapi melihat tidak ada tanda2 sakit yang diperlihatkan oleh pelakon itu, dan lakonan-nya semakin ‘realistik’, terpaksa juga-lah kami lanjutkan penggambaran itu hingga akhir,” ujar mereka.

Mereka kemudian telah memuji kesunggohan pelakon Salim berlakon hingga tidak menghiraukan kemalangan yang telah menimpa ka-atas diri-nya itu.

Sa-telah penggambaran itu selesai, pelakon tadi kemudian telah di-kejar-kan ka-rumah sakit umum untuk di-jahit luka2 kacha yang telah menchuchok ponggong-nya sa-lebar 4 inchi itu.

CHATATAN: Drama ‘Malam’ itu akan di-tayangkan di-TV Malaysia Singapura pada hari Rabu ini jam 9.20 malam.



Related Articles

No related article found.

